



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونورسیتی فنډیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN PENGGANTIAN
KAD UNIVERSITI PELBAGAI GUNA
(UMPC)
UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS**

PUSAT ICT
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014

ISI KANDUNGAN

1.0 TUJUAN	3
2.0 LATAR BELAKANG	3
3.0 KAEDAH PENGGANTIAN	4
4.0 JUMLAH BAYARAN DENDA	5
5.0 KAEDAH PEMBAYARAN	6
6.0 TARIKH KUAT KUASA	6
7.0 PENUTUP	6
8.0 LAMPIRAN	7

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENGGANTIAN KAD UNIVERSITI PELBAGAI GUNA (UMPC) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan prosedur yang perlu dipatuhi bagi perkara-perkara seperti berikut :

- i) pengurusan penggantian UMPC; dan
- ii) maklumat bayaran denda yang dikenakan bagi penggantian UMPC baharu.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UMPC merupakan kad Universiti Pelbagai guna/University Multi Purpose Card (UMPC) untuk kegunaan staf dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai kad pengenalan diri ketika berada di dalam kawasan Universiti.
- 2.2 Dua penggunaan aplikasi utama UMPC ialah Aplikasi Universiti dan Aplikasi Bank (Kad ATM, MEPS CASH, E-Debit).
- 2.3 UMPC staf dan pelajar diuruskan secara berpusat oleh Pusat ICT semenjak tahun 2010. Menerusi pelaksanaan pemusatan ini, projek berkaitan UMPC diurus secara teratur dan terancang.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, garis panduan ini disediakan untuk memperkukuh dan melancarkan lagi pelaksanaan pengurusan penggantian UMPC Universiti.

3.0 KAEDAH PENGGANTIAN

Panduan berikut perlu dipatuhi oleh pegawai yang bertanggungjawab semasa melaksanakan proses penggantian UMPC bagi staf dan pelajar UPSI :

3.1 Kehilangan/Kerosakan UMPC

- i. Staf dan pelajar yang mengalami kehilangan atau kerosakan UMPC perlu menggantikan UMPC dengan merujuk **Carta Alir Prosidur Penggantian UMPC Hilang / Rosak**; dan
- ii. Jumlah bayaran denda yang dikenakan perlu merujuk **item 4.0**.

3.2 Pelajar Tukar Program Pengajian

- i. Pelajar yang telah mendapat kelulusan untuk menukar program pengajian, boleh menggantikan UMPC dengan cetakan program pengajian yang baru dengan merujuk **Carta Alir Prosidur Penggantian UMPC Pelajar Tukar Program Pengajian**; dan
- ii. Jumlah bayaran denda yang dikenakan perlu merujuk **item 4.0**.

3.3 Staf Tamat Perkhidmatan

- i. Staf yang tamat perkhidmatan perlu membatalkan kad UMPC dengan merujuk **Carta Alir Prosidur Staf Tamat Perkhidmatan**; dan
- ii. UMPC yang telah dibatalkan tidak boleh lagi digunakan untuk aplikasi Universiti, tetapi kemudahan aplikasi bank masih boleh digunakan.

4.0 JUMLAH BAYARAN DENDA

- 4.1 Kadar bayaran denda bagi penggantian UMPC staf untuk kali pertama sepanjang tempoh perkhidmatan ialah sebanyak RM 10.00. Kadar bayaran denda bagi penggantian UMPC pelajar untuk kali pertama sepanjang tempoh pengajian ialah sebanyak RM30.00;
- 4.2 Manakala kadar bayaran denda bagi penggantian UMPC staf yang berikutnya ialah sebanyak RM20.00 dan kadar bayaran denda bagi penggantian UMPC pelajar yang berikutnya ialah sebanyak RM50.00;
- 4.3 Pengiraan bilangan penggantian UMPC staf dan pelajar bagi item 4.1 dan item 4.2 dikecualikan bagi kes-kes seperti berikut :
- 4.3.1 Kehilangan atau kerosakan UMPC staf dan pelajar disebabkan bencana alam, kebakaran, ragut, kecurian dan kemalangan; dan
- 4.3.2 Kehilangan atau kerosakan UMPC staf dan pelajar yang telah dikeluarkan sama atau lebih daripada tempoh 5 tahun (≥ 5 tahun).
- 4.4 **Kehilangan atau kerosakan disebabkan bencana alam, kebakaran, ragut, kecurian dan kemalangan**
- i. Perlu menyerahkan laporan polis, surat akuan atau dokumen sokongan (yang disahkan oleh pegawai berkaitan atau ketua kampung/penghulu/pegawai daerah) untuk mengesahkan punca kehilangan atau kerosakan UMPC; dan
- ii. Staf dikenakan bayaran sebanyak RM10 untuk penggantian manakala pelajar dikenakan bayaran sebanyak RM30 untuk penggantian.
- 4.5 **Kerosakan UMPC staf yang dikeluarkan sama atau lebih daripada tempoh 5 tahun (≥ 5 tahun)**
- i. UMPC staf akan digantikan tanpa sebarang bayaran sekiranya staf membuat permohonan penggantian; dan
- ii. Staf wajib mengambil gambar untuk cetakan UMPC baharu.

4.6 Kerosakan UMPC pelajar yang dikeluarkan sama atau lebih daripada tempoh 5 tahun (≥ 5 tahun)

- i. UMPC pelajar akan digantikan dengan dikenakan bayaran sebanyak RM30 sekiranya pelajar membuat permohonan penggantian; dan
- ii. pelajar wajib mengambil gambar untuk cetakan UMPC baharu.

4.7 Kerosakan fungsi aplikasi bank

- i. UMPC yang mengalami kerosakan fungsi aplikasi bank dikategorikan sebagai UMPC yang rosak; dan
- ii. Staf dan pelajar dibenarkan untuk tidak menggantikan UMPC dan boleh memohon kepada pihak Bank Islam untuk mendapatkan kad bank yang baru. Staf dan pelajar perlu menanggung kos yang dikenakan oleh pihak bank sekiranya ada.

5.0 KAEDAH PEMBAYARAN

Semua pembayaran denda penggantian UMPC staf dan pelajar boleh dibuat di Pusat ICT.

6.0 TARIKH KUAT KUASA


Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan

7.0 PENUTUP

UMPC merupakan kad pengenalan identiti bagi setiap individu sebagai staf atau pelajar di dalam kampus dan perlu berfungsi dengan baik sepanjang masa. Semoga panduan ini dapat memberi kefahaman kepada warga UPSI bagi memudah dan mempercepatkan lagi proses penggantian UMPC.


8.0 LAMPIRAN

Lampiran 1 : Carta Alir Prosidur Penggantian UMPC Rosak / Hilang (Staf)




*** Kerosakan disebabkan bencana alam, kebakaran, ragut, kecurian dan kemalangan

Lampiran 2 : Carta Alir Prosidur Penggantian UMPC Rosak / Hilang (Pelajar)



*** Kerosakan disebabkan bencana alam, kebakaran, ragut, kecurian dan kemalangan

Lampiran 3 : Carta Alir Prosidur Penggantian UMPC Pelajar Tukar Program Pengajian



Lampiran 4 : Carta Alir Prosidur Staf Tamat Perkhidmatan

